

KASTIPRON[®] TABLET

Carbocisteine (375mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KASTIPRON TABLET
2. Bagaimana KASTIPRON TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan KASTIPRON TABLET
4. Cara menggunakan KASTIPRON TABLET
5. Semasa menggunakan KASTIPRON TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KASTIPRON TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan KASTIPRON TABLET
KASTIPRON TABLET digunakan untuk mencairkan kahak dan memudahkan pengeluaran kahak dari saluran pernafasan.

Bagaimana KASTIPRON TABLET berfungsi

KASTIPRON TABLET boleh mengawal dan mencairkan mukus. Ia bertindak pada mukus untuk mengurangkan kelikatan rembesan. Ini memudahkan kahak dibatuk keluar.

Sebelum Mengambil KASTIPRON TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Apabila anda alah terhadap Carbocisteine atau bahan-bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan KASTIPRON TABLET

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mempunyai ulser dalam perut atau usus kecil, mengandung atau menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan KASTIPRON TABLET bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan KASTIPRON TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 tablet 3 kali sehari

Kanak-kanak (6-12 tahun): 1 tablet 2 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

KASTIPRON TABLET perlu diambil selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

KASTIPRON TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan KASTIPRON TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini meyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doctor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Loya, sakit kepala, ketidakselesaan gastrousus, cirit-birit, pendarahan gastrousus dan ruam kulit.

KASTIPRON TABLET boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan KASTIPRON TABLET dan dapatkan segera bantuan perubatan jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Alahan teruk: kesukaran bernafas, pening, pembengkakan kulit atau ruam.

- Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan KASTIPRON TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan dalam bekas kedap udara.


- Pelupusan

KASTIPRON TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat yang berwarna putih ke hampir putih, satu permukaan berskor dan permukaan yang lain ditandakan

dengan "A". 

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif:

S- carboxymethylcysteine

-Bahan tidak Aktif:

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

Povidone

Silicon Dioxide

Isopropyl Alcohol

Talc

Hydroxypropyl Cellulose

- Nombor MAL

MAL19972151X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

KASTIPRON[®] TABLET

Carbocisteine (375mg)

Tarikh kemaskini RiMUP

14/01/2026

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140319/00073